

PROSPEK KERJAYA

Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Pembantu Pembedahan Pergigian yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setelah berkhidmat dengan kerajaan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, anda boleh memohon untuk mengikuti kursus lanjutan ke peringkat diploma di institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERLANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN

- Nama Jawatan: Pembantu Pembedahan Pergigian
- Taraf Jawatan: Tetap
- Pelatih tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia yang tamat latihan dengan jayanya akan dilantik ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17, tangga gaji (tertakluk pada perubahan semasa)

Tangga gaji:

GRED	MINIMUM	MAKSIMUM
U17	RM974.88	RM2,028.67
U22	RM1,390.19	RM2,351.19
U24	RM2,183.23	RM3,356.08

ELAUN/IMBUHAN TETAP

Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM115

Imbuhan Tetap Perumahan RM180

Elaun Sara Hidup (COLA)*

*Mengikut wilayah bertugas RM100/RM200/RM300

IKATAN PERKHIDMATAN

Pelatih tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh 2 tahun.

Penempatan

- Klinik Pergigian di Hospital Kerajaan
- Klinik Pergigian di Pusat Kesihatan
- Klinik Pergigian Sekolah
- Pasukan Pergigian Bergerak

INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang.

CARA MEMOHON

- i. Permohonan secara online Borang Pendaftaran Perkerjaan Di Sektor Awam (SPA8i) di laman <http://www.spa.gov.my> Permohonan adalah berdasarkan "Sistem Mengambil Sepanjang Masa" (SMSM). Tempoh sah laku permohonan adalah satu tahun.
- ii. Status permohonan lengkap yang telah didaftarkan boleh disemak oleh pemohon melalui laman <http://www.spa.gov.my>
- iii. Sebarang maklumat dan pertanyaan berkaitan permohonan boleh menghubungi:
 - a. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pengambilan Khas,
Aras 7, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 PUTRAJAYA.
Tel : 03-8885 6254/ 6264/ 6296
 - b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Urusetia Cawangan Sabah,
Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS/ Sulaiman, Likas,
88450 Kota Kinabalu, SABAH.
Tel : 088-488922
 - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Urusetia Cawangan Sarawak,
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga,
93520 Kuching, SARAWAK.
Tel : 082-240011



CERTIFIED TO ISO 9001:2000

CERT. NO. : AR 4783

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:
**UNIT LATIHAN PRA PERKHIDMATAN,
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 6, NO.26, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62675 PUTRAJAYA.**
TEL: 03-8885 0600 • FAKS: 03-8885 0747/48



KURSUS PRA PERKHIDMATAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU (SEPARA PERUBATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



SIJIL PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN



BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
<http://www.moh.gov.my>
<http://latihan.moh.gov.my>



PENGENALAN

Pembantu Pembedahan Pergigian bertanggungjawab membantu tugas rawatan atau pemuliharaan pergigian termasuk yang melibatkan promosi kesihatan pergigian dan pencegahan penyakit.



DESKRIPSI TUGAS

Pembantu Pembedahan Pergigian bertanggungjawab sebagai salah seorang ahli kesihatan pergigian yang memainkan peranan dalam pengendalian klinikal pesakit, pengurusan pesakit dan pendidikan kesihatan pergigian.

Pada amnya, tugas Pembantu Pembedahan Pergigian ialah:

- Membantu Pegawai Pergigian/Pakar Pergigian yang berkaitan semasa pemberian rawatan dengan pengamalan konsep *four-handed dentistry*
- Menyediakan segala peralatan yang diperlukan untuk rawatan pergigian sebelum, semasa dan selepas rawatan
- Menyediakan bahan-bahan untuk rawatan pergigian mengikut prosedur yang ditetapkan
- Membantu dalam pengurusan klinik dan pengurusan data-data pesakit secara berkomputer
- Membantu dalam pengambilan X-Ray pergigian

KURIKULUM LATIHAN PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN

Tempoh latihan: 2 tahun (4 semester) meliputi subjek seperti berikut:

- | | |
|------------------------|-------------------------|
| • Sains Asas | • Sains Pergigian |
| • Sains Klinikal | • Sains Tingkah Laku |
| • Teknologi Maklumat | • Kelengkapan Pergigian |
| • Pengurusan Kesihatan | |

KELAYAKAN UNTUK MEMOHON

A. Syarat-syarat Asas Skim Perkhidmatan

Pemohon hendaklah terdiri daripada:

- Warganegara Malaysia
- Lelaki dan Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan

Kelayakan:

Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan), Sains dan Matematik. Calon yang lulus dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

B. Syarat-syarat Keutamaan Pemilihan

- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

ELAUN DI PERINGKAT SIJIL

Biasiswa	RM755.06 sebulan
Elaun Buku	RM240.00 setahun
Elaun Perkakas	RM25.00 sekali sepanjang tempoh latihan
Elaun Kertas Projek	RM80.00 sekali setahun
Elaun Jahitan Pakaian Seragam	RM45.00 sepasang

